

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 2003/2004

September/Okttober 2003

## **HGG 350 – Perancangan Pembangunan Wilayah**

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan sahaja. Jawab DUA soalan dari Bahagian A dan DUA soalan dari Bahagian B.

### **Bahagian A**

1. Mengapa tanggapan mengenai masalah wilayah berubah-ubah mengikut masa dan bincangkan bagaimana struktur pemerintahan memberi kesan ke atas tanggapan tersebut?

[25 markah]

2. Mengapa pernyataan teori merupakan cara terbaik untuk memahami proses penyebab masalah wilayah. Bincangkan teori-teori utama berdasarkan teknologi yang menjelaskan pertumbuhan dan penyusutan sesebuah wilayah.

[25 markah]

3. Apliksasi konsep pusat pertumbuhan di kawasan Lembaga Kemajuan Wilayah pada tahun-tahun 1960an dan 1970an kurang menepati sasaran yang dijangkakan. Bincangkan perubahan polisi kewilayahian yang dilaksanakan dalam tahun 1990an hingga masa kini.

[25 markah]

4. Bincangkan kerelevan agensi pembangunan wilayah PERDA dan MADA seiring dengan penubuhan Kompleks Teknologi Tinggi Kulim dalam menuju ke arah pembangunan yang seimbang di wilayah utara Semenanjung Malaysia.

[25 markah]

### Bahagian B

5. [a] Huraikan konsep '*institutional thickness*' menurut pandangan Amin & Thrift (1994).

[10 markah]

- [b] Menggunakan contoh-contoh yang sesuai jelaskan bagaimana konsep ini berpotensi untuk memperkuatkan pembangunan wilayah di Malaysia.

[15 markah]

6. [a] Jelaskan apakah yang dimaksudkan dengan '*New Model*' dalam agensi pembangunan wilayah.

[5 markah]

- [b] Bincangkan aplikasi model ini dalam konteks pembangunan keusahawanan dan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) di mana-mana wilayah negara yang anda pilih.

[20 markah]

7. Merujuk kepada contoh-contoh yang sesuai, bincangkan bagaimana pengaruh globalisasi aktiviti ekonomi telah berperanan untuk membangunkan Lembah Klang.

[25 markah]

8. 'Krisis Kewangan 1997' yang melanda memberi banyak pengalaman kepada pelaksanaan alat dasar kewilayahan konvensional di negara ini. Merujuk kepada Malaysia, bincangkan bagaimana cabaran-cabaran ini boleh diadaptasikan.

[25 markah]